Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 5.5% pada S3 2026

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 1.5%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2026

Perbelanjaan isi rumah terus berkembang didorong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang stabil, namun dipengaruhi kesan asas

Pelaburan swasta yang lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan bagi jentera dan peralatan serta struktur

Pertumbuhan eksport yang kukuh dengan sokongan berterusan daripada barangan berkaitan teknologi dan pelancongan

Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S3 2026

Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan yang dirancang

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.3%
(S2 2026: 4.8%)

Disokong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan, namun dipengaruhi kesan asas daripada pindahan tunai yang lebih besar pada S3 2025

Pelaburan Swasta

9.4%
(S2 2026: 4.3%)

Pelaburan yang lebih tinggi dalam jentera dan peralatan serta struktur

Penggunaan Awam

1.2%
(S2 2026: 7.6%)

Perbelanjaan yang lebih rendah khususnya untuk bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam

3%
(S2 2026: 6.3%)

Perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih rendah berikutan siapnya projek-projek utama

Eksport Bersih

5.7%
(S2 2026: 168.5%)

Eksport berkaitan teknologi kukuh, sebahagiannya diimbangi oleh import perantaraan dan import modal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh kekukuhan aktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pertumbuhan tahunan, %

Perkhidmatan

5.8%
(S2 2026: 5.9%)

Pertumbuhan perkhidmatan berkaitan perniagaan lebih kukuh

Perkilangan

7.7%
(S2 2026: 7.3%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pengeluaran E&E berikutan permintaan berkaitan AI yang kukuh

Pertanian

1.4%
(S2 2026: -3.6%)

Pengeluaran minyak sawit yang lebih kukuh kerana kadar hasil bertambah baik di seluruh negara

Perlombongan

-6.1%
(S2 2026: 9.2%)

Output minyak dan gas asli yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan berjadual

Pembinaan

5.9%
(S2 2026: 6.5%)

Aktiviti pembinaan bukan kediaman yang kukuh diimbangi oleh segmen kediaman yang lebih perlahan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal menggalakkan

- Kadar pengangguran kekal pada 3% pada S3 2026 (S2 2026: 3%, 2015-19: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat sedikit kepada 16.82 juta orang pada S3 2026 (S2 2026: 16.77 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan dengan kadar penyertaan tenaga kerja meningkat sedikit kepada 71% pada S3 2026 (S2 2026: 70.9%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Gaji nominal dan gaji benar sektor swasta,
Perubahan Tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan kekal stabil, manakala inflasi teras semakin sederhana

- Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.9%, manakala inflasi teras terus menjadi sederhana kepada 1.7%.
- Caj elektrik yang lebih tinggi, mencerminkan kenaikan surcaj Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (Automatic Fuel Adjustment, AFA), diimbangi oleh harga bahan api[1] dan inflasi teras yang lebih rendah. Inflasi teras menurun, antara lain didorong oleh inflasi yang lebih rendah bagi barangan kemas dan jam tangan.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



[1] Mulai bulan Julai, rakyat Malaysia layak menikmati harga diesel bersubsidi sebanyak RM2.10 seliter hingga 200 liter sebulan menerusi program BUDI Diesel, manakala kebanyakan rakyat Malaysia yang menggunakan RON95 terus membayar harga subsidi sebanyak RM1.99 seliter (hingga 200 liter) menerusi BUDI95. Mulai bulan September, jumlah gabungan kuota bagi BUDI95 dan BUDI Diesel dinaikkan hingga 300 liter sebulan. Sementara itu, harga pasaran purata bagi RON97 pada S3 2026 adalah lebih rendah pada RM4.33 seliter (S2 2026: RM4.73 seliter).
Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi meningkat pada S3 2026

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan adalah lebih besar pada suku ketiga, sekali gus menyebabkan rebakan inflasi melebihi purata yang pernah dicatatkan. Walau bagaimanapun, rebakan ini menjadi sederhana dari bulan Julai hingga September.
- Rebakan yang lebih tinggi pada bulan Julai sebahagiannya mencerminkan pergerakan harga bermusim dan bersifat idiosinkratik. Tekanan harga asas kekal sederhana, dengan kenaikan harga bagi kebanyakan barangan masih di bawah norma yang pernah dicatatkan sebelum ini.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2024 mencerminkan penambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import berterusan

Eksport Kasar	**46%** S2 2026: 42.4%	Eksport berkaitan teknologi kukuh merangkumi barangan E&E dan bukan E&E.
Import Kasar	**43.3%** S2 2026: 25.2%	Pertumbuhan barangan perantaraan, modal dan penggunaan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan dan akaun kewangan beralih kepada aliran masuk

Akaun Semasa
RM5.7 bilion; 1% daripada KDNK
(S2 2026: RM10.8 bilion; 2%)

Lebihan berterusan berikutan
- Lebihan barangan yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh eksport perkilangan berkaitan teknologi.
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil berikutan penerimaan pendapatan yang lebih kukuh.

Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh
- Defisit pendapatan primer yang lebih besar berikutan keuntungan yang lebih tinggi dicatatkan oleh syarikat pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI).
- Defisit akaun perkhidmatan yang lebih besar disebabkan oleh import perkhidmatan perniagaan lain yang lebih tinggi, meskipun penerimaan perjalanan dan penerimaan berkaitan ICT lebih kukuh.

Akaun Kewangan
Aliran masuk bersih RM19.8 bilion
(S2 2026: Aliran keluar bersih RM27 bilion)

Aliran masuk bersih dalam
- Pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pemerolehan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin.
- Pelaburan langsung, disokong oleh aliran masuk FDI bersih yang lebih tinggi, berjumlah RM14.3 bilion.
- Pelaburan lain, didorong terutamanya oleh bayaran balik pinjaman antara bank oleh bank-bank bukan pemastautin kepada bank-bank pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.61 trilion atau 74.4% daripada KDNK
(S2 2026: RM1.51 trilion atau 71.6% daripada KDNK)
- Kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi oleh syarikat korporat.
- Penempatan deposit yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 30.1%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.

Dalam denominasi mata wang asing: 69.9%
Yang 48.4% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 20.9% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan, termasuk oleh syarikat multinasional.

Tempoh matang

Jangka sederhana dan panjang: 54.3%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**-RM36 bilion** (S2 2026: +RM68.3 bilion)
Rizab Antarabangsa[2]	**USD132.6 bilion** (S2 2026: USD132.6 bilion)

[2] Pada 30 Oktober 2026.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia